

Keputusan panggil PM ditentukan Jumaat

BH

19 APR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Mahkamah Tinggi akan memutuskan Jumaat ini, sama ada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi pembela dalam kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas mendengar hujah Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail; peguam bela Anwar, Karpal Singh dan peguam bela Sukma Darmawan Sasmita Madja, Gobind Singh Deo.

Ariffin berkata, beliau memerlukan masa meneliti hujah yang disampaikan itu kerana banyak perkara ditimbulkan pembela dan pendakwa.

Katanya, beliau juga perlu melihat semula keterangan saksi pendakwa dan pembela sebelum boleh membuat keputusan Jumaat ini.

Sebelum itu, Abdul Gani dalam hujahnya berkata Anwar bertujuan memperkecil dan mengaibkan Dr Mahathir apabila bercadang untuk memanggil

Perdana Menteri sebagai saksinya.

Katanya, hujah berkenaan dibuat berdasarkan kepada dua afidavit yang dikemukakan Anwar berhubung sama ada keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan percabaran kes liwat itu.

“Pembela mempunyai tujuan lain apabila bercadang memanggil Perdana Menteri, bukan untuk mengemukakan pembelaan secara teratur dalam kes ini. Banyak dakwaan yang tidak mempunyai kaitan dengan kes ini ditimbulkan.”

“Kami berhujah semua dakwaan ini tidak berasas dan tidak mempunyai kaitan dengan kes yang dibicarakan. Adalah berbahaya mahkamah digunakan sebagai forum politik tertuduh meluahkan kekecewaannya tanpa menghormati proses undang-undang,” katanya.

Sehubungan itu, Abdul Gani memohon supaya Ariffin tidak membenarkan perbuatan menyalahgunakan proses mahkamah dan mengekalkan ketelusan supaya tidak ada pihak yang menggunakan mahkamah untuk

tujuan lain, selain mendapatkan keadilan.

Katanya, pembela gagal menunjukkan keterangan yang diinginkan dikemukakan oleh Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes liwat ini.

Abdul Gani berhujah berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah, tidak ada sebarang keterangan menunjukkan ada konspirasi untuk mereka cipta keterangan seperti yang didakwa pembela.

Beliau berkata, tidak ada sebarang keterangan menunjukkan Dr Mahathir terbabit dalam konspirasi, bagi membolehkan Perdana Menteri dipanggil untuk memberi keterangannya.

Karpal pula berhujah bahawa pendakwa tidak perlu membantah kehadiran Dr Mahathir kerana pembela sendiri mengambil risiko apabila bercadang memanggilnya sebagai saksi.

Katanya, terpulang kepada mahkamah untuk membuat keputusannya sama ada keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes itu atau sebaliknya.

Beliau berkata, jika Dr Mahathir dipanggil memberi keterangannya, Perdana Menteri perlu memberi keterangannya berdasarkan kepada afidavit yang difailkan kepada mahkamah.

Katanya, Dr Mahathir tidak boleh memberi keterangan berlainan daripada kandungan afidavitnya kerana beliau boleh didakwa atas tuduhan sumpah bohong.

Gobind berhujah Sukma Darmawan tidak akan mendapat keadilan sepenuhnya jika mahkamah memutuskan Dr Mahathir tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangannya.

Katanya, keterangan Dr Mahathir penting bagi membolehkan Sukma Darmawan menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, mahkamah perlu memanggil Dr Mahathir untuk memberi keterangan kerana Perdana Menteri adalah saksi penting bagi kes pembela.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di

unit nombor 1 O-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persembungan luar tabii dengan Azizan.

Perbicaraan bersambung esok.